

*Seminar Antarabangsa Tenun Nusantara : Identiti Dan Kesinambungan Budaya : 12 – 14 Mei 2009, di  
Hotel Vistana, Kuantan, Pahang Darul Makmur*

## **Tenunan Kain Pua Dalam Budaya Iban Di Sarawak**

Oleh

Dr. Noria Anak Tugang  
Jabatan Seni Liberal  
Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif  
Universiti Malaysia Sarawak  
Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

### **Abstrak**

Kertas Kerja ini membincarakan tenunan kain pua dalam budaya Iban di Sarawak. Perbincangan ini berfokus kepada pelbagai perkara misalnya, asal usul dan sejarah kain pua yang berkaitan dengan mitos, legenda dan ketuhanan dalam masyarakat Iban dan bahan-bahan serta peralatan kain pua yang digunakan. Penggunaan dan perusahaan kain pua akan turut dibincangkan. Selain itu, jenis-jenis kain pua Iban juga akan disentuh untuk menjelaskan dan memberi penerangan tentang kain pua yang terdapat dalam masyarakat itu. Ini berikutan terdapat tanggapan oleh sesetengah masyarakat, bahawa orang Iban itu hanya menenun kain pua kumbu sahaja, tetapi sebenarnya orang Iban telah menenun empat kategori utama kain pua yang amat berlainan, baik dari segi pembuatan maupun motif-motifnya. Motif-motif dan falsafah kain pua Iban adalah menggambarkan keakraban orang Iban dengan alam semula jadi.

### **1. Pengenalan**

Sesungguhnya keunggulan dan kegemilangan tamadun bangsa pribumi Sarawak, seperti, masyarakat Iban, sedikit sebanyak dapat dilihat melalui warisan budayanya yang unik dan tersendiri. Penenunan dan penggunaan kain pua dalam masyarakat Iban ialah satu pengenalan identiti diri mereka sehingga dikenali di seluruh pelusuk dunia. Bagi masyarakat Iban, kain pua yang dihasilkan selain dari kain pua kumbu, bukan dan tidak disebut sebagai kain pua kumbu, tetapi, disebut sebagai kain pua sungkit, kain pua pilih dan kain pua sidan. Namun, sesetengah masyarakat masih menganggap kain pua yang lain itu sebagai kain pua kumbu, walaupun keadaan sebenarnya tidak begitu.